

22 MAY 2002

MAHATHIR-PERKAPALAN/I

BINA KEUPAYAAN DALAM INDUSTRI PERKAPALAN, KATA DR MAHATHIR

Oleh: Siti Hawa Othman

NAGASAKI, 22 Mei (Bernama) -- Pemilik dan pengusaha kapal Malaysia harus membina keupayaan dan kepakaran tempatan yang diperlukan oleh industri perkapalan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebagai sebuah negara yang berhasrat untuk memainkan peranan yang lebih besar dalam industri maritim global, Malaysia perlu mempunyai angkatan saudagar peribumi yang besar, yang dimiliki dan diusahakan sepenuhnya oleh rakyatnya sendiri, katanya selepas menamakan secara rasmi kapal tangki Gas Asli Cecair (LNG) keempat belas dan terbaru Malaysia International Shipping Corporation Bhd, Puteri Intan Satu, di sini, hari ini.

Upacara tersebut berlangsung di Limbungan Kapal Koyagi Mitsubishi Heavy Industries Ltd (MHI), di sini.

Puteri Intan Satu adalah yang pertama di antara enam kapal tangki LNG bari dalam Kelas Puteri Satu yang ditempah oleh syarikat perkapalan nasional itu sebagai sebahagian daripada program pembesaran angkatan kapalnya.

Dalam ucapan beliau pada jamuan tengah hari bagi memperingati perasmian nama kapal itu, Dr Mahathir memuji MISC serta menggesa pemilik-pemilik kapal Malaysia yang lain supaya mencontohi syarikat itu dan membina keupayaan tempatan.

Beliau juga memuji MISC kerana telah berjaya melaksanakan program latihan kadetnya yang telah melahirkan sekumpulan kakitangan Malaysia yang berkemahiran bagi memastikan kelancaran, kecekapan dan keselamatan operasi kapal-kapalnya.

Dr Mahathir berkata melihat bahan-bahan buatan Malaysia digunakan dalam pembinaan Puteri Intan Satu adalah sesuatu yang sungguh membanggakan.

Sebuah syarikat yang sebahagiannya dikelolakan oleh MHI telah ditubuhkan di Malaysia khusus untuk mengeluarkan kotak-kotak bertebat tangki kargo kapal tersebut. Kotak-kotak yang diperbuat daripada kayu lapis Malaysia ini merupakan komponen penting dan khusus bagi tangki-tangki LNG itu.

Walaupun ia hanyalah merupakan satu peratusan kecil daripada keseluruhan kandungan kapal tangki itu, namun pengalaman yang diperolehi daripada projek ini akan menghasilkan faedah yang meluas bagi Malaysia, tegas Dr Mahathir.

Kata Perdana Menteri, MISC telah mencapai peningkatan besar sejak penghantaran LNG pertamanya dari Bintulu ke Terminal Sodegaura Tokyo Gas pada bulan Februari 1983.

Bermula dengan angkatan yang mengandungi hanya lima buah kapal di bawah siri Tenaga, MISC kini telah memperbesarkan angkatan kapal tangki LNGnya kepada 13 buah dengan keupayaan kasar 1.36 juta meter isipadu.

Siri Tenaga merujuk kepada kelas kapal Puteri B4. Ini menjadikan MISC pemilik dan pengusaha angkatan kapal LNG terbesar tunggal di dunia dan menguasai kira-kira 10 peratus daripada keseluruhan keupayaan dunia. --

BERNAMA

SHO MR SHY KY OS